

COWAY

PERJANJIAN



DI ANTARA

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

DAN

COWAY (MALAYSIA) SDN. BHD.
(No. Syarikat: 735420-H)

BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN PERALATAN COWAY

NO. RUJUKAN KONTRAK : K5/2024



KERAJAAN MALAYSIA

IBU PEJABAT
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

**SIJIL SETEM**

ASAL

STAMP CERTIFICATE

(Sila lekatkan sijil setem ini ke atas surat cara sebagai bukti penyeteman)
 Please attach this stamp certificate to the instrument as evidence of stamping

Cara Bayaran *Payment Method*

FPX TRANSACTIONS

No. Adjudikasi *Adjudication No.*

T01E42A0E8XF023 (SALINAN 1/1)

Jenis Surat Cara

SERVICE RENTAL AGREEMENT

Type Of Instrument

SURAT CARA UTAMA

Tarikh Surat Cara

15/02/2024

*Date Of Instrument***Balasan** *Consideration*

RM 35,028.00

Maklumat Pihak Pertama / Penjual / Pemberi *First Party / Vendor / Transferor / Assignor*

COWAY (MALAYSIA) SDN BHD, (200601015688)

Maklumat Pihak Kedua / Pembeli / Penerima *Second Party / Purchaser / Transferee / Assignee*

PERDANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA, (0000)

Butiran Harta / Suratcara *Property / Instrument Description*

TIDAK BERKENAAN



Dengan ini disahkan surat cara ini disetem dan diindors seperti maklumat di bawah:
 This is to certify this instrument is stamped and indorsed as below:

No. Sijil Setem <i>Stamp Certificate No.</i>	F8232A341152469
Tarikh Penyeteman <i>Date of Stamping</i>	22/02/2024
Duti Setem Dikenkap <i>Amount of Stamp Duty</i>	RM 10.00
Pemaki <i>Party</i>	RM 0.00
Petaraikan <i>Counterpart</i>	RM 0.00
Jumlah Dibayar <i>Total Amount Paid</i>	RM 10.00
Indorsemen <i>Indorsement (Atika Salinan 1/1)</i>	Sekawan 12

Pemungut Duti Setem

No. Kelulusan Perbendaharaan *Treasury Approval No.* : KK/BSKK/10/600-2/1/2(60)Tarikh Cetak *Printed Date* : 23/02/2024 02:55:27

Pengesahan ketulenan Sijil Setem ini boleh dipastikan di stamps.hasil.gov.my atau melalui aplikasi telefon pintar
 The authenticity of this Stamp Certificate can be verified at stamps.hasil.gov.my or by mobile app

Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani
 This is a computer generated printout and no signature is required

PERJANJIAN SEWA PRODUK

Kontrak ini dibuat padaharibulan...**15 FEB 2024**... tahun

ANTARA

Coway (Malaysia) Sdn. Bhd. (No. Syarikat : 735420-H) sebuah syarikat yang diperbadankan dan didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 yang mempunyai pejabat berdaftar di Level 20, Ilham Tower, No. 8, Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur (kemudian daripada ini disebut sebagai "**Syarikat**") di satu pihak.

DAN

Perbadanan Produktiviti Malaysia yang beralamat di **Aras 9, East Wing Menara MATRADE, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur** (kemudian daripada ini disebut sebagai "**MPC**") di satu pihak,

MPC dan **Syarikat** dalam Perjanjian ini juga akan dirujuk secara berasingan sebagai "**Pihak**" dan secara bersesama sebagai "**Pihak-Pihak**".

BAHAWASANYA berdasarkan Surat Setuju Terima bertarikh **7 Disember 2023**, MPC berkehendakkan penyewaan **Peralatan** seperti yang dinyatakan dalam Lampiran A kepada Perjanjian ini (Kemudian daripada ini disebut sebagai "**Peralatan**") daripada Syarikat dan Syarikat bersetuju untuk membekalkan dan menyewakan Peralatan tersebut termasuk kerja-kerja penyelenggaraan ke atas Peralatan (kemudian daripada ini disebut sebagai "**Perkhidmatan**") berdasarkan terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:**1. TAKRIF**

Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki maksud yang lain:

"Bulan"

ertinya bulan kalendar Gregorian;

PERJANJIAN SEWA PRODUK

Kontrak ini dibuat padaharibulan...**15 FEB 2024**... tahun

ANTARA

Coway (Malaysia) Sdn. Bhd. (No. Syarikat : 735420-H) sebuah syarikat yang diperbadankan dan didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 yang mempunyai pejabat berdaftar di Level 20, Ilham Tower, No. 8, Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur (kemudian daripada ini disebut sebagai **"Syarikat"**) di satu pihak.

DAN

Perbadanan Produktiviti Malaysia yang beralamat di **Aras 9, East Wing Menara MATRADE, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur** (kemudian daripada ini disebut sebagai **"MPC"**) di satu pihak,

MPC dan Syarikat dalam Perjanjian ini juga akan dirujuk secara berasingan sebagai **"Pihak"** dan secara bersesama sebagai **"Pihak-Pihak"**.

BAHAWASANYA berdasarkan Surat Setuju Terima bertarikh **7 Disember 2023**, MPC berkehendakkan penyewaan **Peralatan** seperti yang dinyatakan dalam Lampiran A kepada Perjanjian ini (Kemudian daripada ini disebut sebagai **"Peralatan"**) daripada Syarikat dan Syarikat bersetuju untuk membekalkan dan menyewakan Peralatan tersebut termasuk kerja-kerja penyelenggaraan ke atas Peralatan (kemudian daripada ini disebut sebagai **"Perkhidmatan"**) berdasarkan terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:**1. TAKRIF**

Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki maksud yang lain:

"Bulan"

ertinya bulan kalendar Gregorian;

**"Khidmat
Penyenggaraan"**

Ertinya kerja-kerja penyenggaraan, pembaikan, dan penggantian mana-mana bahagian atau alat ganti yang rosak agar Peralatan tersebut dapat beroperasi dengan baik dan memuaskan hati MPC tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada MPC ;

"Penghantaran"

ertinya penghantaran Peralatan oleh Kontraktor ke Premis;

"Peralatan"

ertinya seperti yang diperihalkan di Lampiran A dan hendaklah termasuk semua penggantian, pembaharuan atau penambahan yang dibuat dari semasa ke semasa terhadap Peralatan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya serta sebarang aksesori yang ditambah kepada Peralatan tersebut;

"Perjanjian"

ertinya Perjanjian ini berserta lampiran yang dilampirkan kepadanya;

"Premis"

ertinya lokasi di mana Peralatan ditempatkan dan dipasang. Rujuk Lampiran C.

"Sewa"

ertinya sewa bulanan yang mesti dibayar oleh MPC dalam tempoh penyewaan seperti yang diperihalkan dalam Lampiran B;

**"Waktu Perniagaan
Biasa"**

ertinya waktu pejabat MPC iaitu :-

- a) hari Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bagi negeri yang hari minggunya jatuh hari Sabtu dan Ahad;
- b) Hari Ahad hingga Khamis dari jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang bagi negeri yang hari minggunya jatuh pada hari Jumaat dan Sabtu;

Tetapi tidak termasuk hari cuti mingguan dan cuti umum.

2. TEMPOH PERJANJIAN

- 2.1 Perjanjian ini adalah bagi tempoh **tiga (3) tahun** (selepas ini disebut sebagai "Tempoh Perjanjian") bermula dari **1 Januari 2024** (selepas ini disebut sebagai "Tarikh kuatkuasa Perjanjian") hingga **31 Disember 2026** (selepas ini disebut sebagai "Tarikh Penamatan Perjanjian").
- 2.2 Walaubagaimanapun Tempoh Kontrak yang dinyatakan di klausa 2.1 boleh berubah sekiranya pemasangan Peralatan dilakukan selepas **31 Disember 2023**. Oleh hal yang demikian, Tempoh dan Nilai Kontrak hanya berkuat kuasa sepenuhnya selepas pemasangan dibuat bagi tempoh 36 bulan berikutnya.
- 2.3 Tempoh dan Nilai Kontrak adalah merujuk kepada tarikh pemasangan setiap mesin penapisan air dilakukan bagi tempoh 36 bulan berikutnya.

3. PERLANJUTAN TEMPOH SEWAAN

- 3.1 MPC boleh memohon untuk melanjutkan Tempoh Sewaan dengan mengemukakan secara bertulis selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari sebelum tamat Tempoh Sewaan ini seperti yang diperuntukkan dalam Klausa 2 di atas tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak.
- 3.2 Jikalau MPC meneruskan Kontrak ini selama dua (2) tahun selanjutnya, hakmilik Peralatan akan ditukar kepada MPC setelah tamatnya tempoh lima (5) tahun penyewaan. Penukaran hakmilik hanya akan dilakukan jika Syarikat mendapati tiadasebarang nilai sewaan yang tertunggak di dalam akaun sewa MPC.
- 3.3 Tetapi sekiranya Syarikat tidak menerima sebarang permohonan daripada MPC untuk suatu Tempoh Perlanjutan atau penamatan Perjanjian, Syarikat secara automatik menganggap MPC berniat untuk melanjutkan tempoh penyewaan tanpa sebarang dokumen perjanjian diperlukan. Oleh itu, Syarikat berhak mengemukakan invois bagi tujuan menuntut bayaran sewa daripada MPC untuk suatu tempoh Peralatan digunakan oleh MPC selepas Tarikh

Penamatan Perjanjian.

4. SKOP PERJANJIAN

Syarikat bersetuju menyediakan Perkhidmatan penyewaan Peralatandan Khidmat Penyenggaraan mengikut spesifikasi peralatan yang dinyatakan dalam Lampiran B dan MPC bersetuju menerima Penyewaan Peralatan dan Khidmat Penyenggaraan tersebut mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

5. NILAI SEWA DAN PEMBAYARAN

- 5.1 Bagi maksud Kontrak ini dan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat dan terma-terma kontrak oleh Syarikat, MPC bersetuju membayar kepada Syarikat sebanyak **RM35,028.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Lima Ribu Dua puluh Lapan sahaja)** (kemudian daripada ini disebut sebagai "Nilai Kontrak"). Sila rujuk Lampiran B bagi jadual harga.
 - 5.2 Nilai keseluruhan pada klausa 5.1 yang perlu dibayar oleh MPC kepada Syarikat sepanjang tempoh penyewaan **selamatiga (3) tahun** adalah termasuk untuk bayaran Sewa dan Perkhidmatan. Oleh hal yang demikian, nilai kontrak ini adalah dianggap tetap.
 - 5.3 Pembayaran sewaan bulanan hendaklah dibuat secara berterusan setiap bulan tanpa sebarang penangguhan yang dianggap tidak munasabah daripada pihak MPC kepada Syarikat. Sekiranya terdapat penangguhan bayaran melebihi empat bulan dan keatas, Syarikat berhak untuk memberhentikan Perkhidmatan buat sementara waktu sehingga kesemua baki sewaan yang tertunggak dijelaskan sepenuhnya.
 - 5.4 Caj penyenggaraan tidak akan dikenakan bagi jenis-jenis alat ganti yang rosak berpunca daripada kerosakan Peralatan yang bukan disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja oleh MPC atau kakitangannya.
-

- 5.5 Sebarang isu yang timbul diantara Syarikat dengan mana-mana pihak ketiga berhubung dengan Peralatan, Khidmat Penyenggaraan dan Bayaran Sewa dalam Perjanjian ini adalah diluar tanggungjawab MPC.

6. PENGHANTARAN, TEMPAT PEMASANGAN, DAN PEMERIKSAAN PERALATAN

- 6.1 Syarikat hendaklah memastikan bahawa Peralatan dihantar ke tempat pemasangan di Premis pada/sebelum tarikh sebenar penghantaran perlu dibuat. Syarikat juga hendaklah menghantar dan memasang Peralatan tersebut sehingga ianya dalam keadaan boleh digunakan dan beroperasi dengan baik
- 6.2 Syarikat hendaklah memaklumkan kepada MPC dua (2) hari sebelum Peralatan tersebut dihantar bagi tujuan menyediakan tempat pemasangan dan segala kos penyediaan tempat pemasangan hendaklah ditanggung oleh MPC.
- 6.3 Jika berlaku kelewatan dalam menyediakan tempat pemasangan tersebut, MPC hendaklah memberitahu Syarikat terlebih dahulu agar tarikh penghantaran tersebut dapat diubah kepada masa yang lebih sesuai.
- 6.4 MPC hendaklah memaklumkan kepada Syarikat jika berlaku sebarang perubahan tempat Peralatan diletakkan. Syarikat hendaklah menanggung segala kos pemasangan dan apa-apa kerosakan atau kecacatan sekiranya berlaku di tempat di mana Peralatan ditempatkan disebabkan oleh kecuai pegawai yang membuat pemasangan.
- 6.5 MPC hendaklah memeriksa Peralatan semasa penghantaran Peralatan dibuat kepadanya. Tertakluk kepada Klausu 7, MPC adalah dianggap telah memeriksa Peralatan dan berpuas hati dengan keadaan Peralatan apabila Syarikat tidak menerima apa-apa notis bertulis daripada MPC tentang ketidakpuasan hatinya terhadap Peralatan dalam masa **tujuh (7) hari** dari tarikh pemasangan Peralatan, kecuali apa-apa

kerosakan atau kecacatan yang tidak dapat dikesan oleh MPC dalam pemeriksaan yang patut.

7. PENERIMAAN PERALATAN

- 7.1 Walaupun setelah menerima Peralatan dari Syarikat, MPC sentiasa berhak menolak Peralatan jika Peralatan tidak menepati spesifikasi atau syarat-syarat yang ditentukan dalam Perjanjian ini.
- 7.2 Jika dalam Tempoh Sewaan, Peralatan didapati rosak atau tidak dapat digunakan untuk tujuan ia disewa dan kerosakan tersebut bukan berpunca daripada kecuaian, kelalaian atau tindakan sengaja MPC atau kakitangannya, Syarikat hendaklah menyanggara dan membaiki Peralatan itu tanpa sebarang kos kepada MPC mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- 7.3 Jika dalam Tempoh Sewaan, Peralatan didapati tidak memuaskan dan MPC tidak dapat menggunakan Peralatan untuk tujuan ia disewa dan Syarikat tidak mengambil tindakan dalam tempoh masa tiga (3) hari Waktu Perniagaan Biasa atau tidak mampu untuk membaiki kecacatan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari Waktu Perniagaan Biasa dari tarikh pemberitahuan, MPC berhak:
- (a) Menolak Peralatan tersebut dan Syarikat dikehendaki menggantikannya dengan peralatan baru yang sama kapasitinya tanpa apa-apa bayaran tambahan dan Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa untuk baki Tempoh Sewaan; dan
 - (b) menamatkan Perjanjian ini di bawah Klausula 12.1(a) tanpa perlu membuat bayaran.
- 7.4 Dalam keadaan berlaku kerosakan ke atas Peralatan yang tidak boleh diperbaiki di Premis, maka Syarikat bolehlah, tertakluk kepada kebenaran bertulis MPC terlebih dahulu, mengalihkan Peralatan ke suatu tempat kerja yang lebih bersesuaian bagi membolehkan kerja penyenggaraan dan pembaikan ke atas kerosakan tersebut dijalankan dengan sempurna. Bagi maksud

ini, Syarikat hendaklah memastikan suatu peralatan alternatif yang sama kapasitinya dibekalkan kepada MPC sebagai gantian sementara kerja pembaikan tersebut dijalankan tanpa sebarang kos tambahan kepada MPC.

8. OBLIGASI MPC

Dengan ini MPC berwaad dengan Syarikat bahawa sepanjang tempoh Perjanjian ini, MPC hendaklah:

- 8.1 Membayar sewa setiap bulan merujuk kepada invois yang diisukan oleh Syarikat.
- 8.2 Membenarkan Syarikat dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Syarikat pada setiap masa yang sesuai dan setelah satu notis, dalam tempoh yang munasabah, diberi kepada MPC untuk masuk ke dalam Premis tempat Peralatan diletakkan atau disimpan pada masa itu untuk tujuan memeriksa dan menguji keadaan Peralatan, menjalankan Khidmat Penyenggaraan, pembaikan dan penggantian Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya.
- 8.3 Menjaga dan memastikan bahawa Peralatan berada dalam milik MPC sepanjang Tempoh Sewaan ini dan tidak memindahkan Peralatan atau mana-mana bahagiannya dari Premis tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Syarikat dan persetujuan itu tidak boleh ditahan dengan tidak munasabahnya.
- 8.4 Menggunakan alat-alat ganti dan bekalan bahan yang berkaitan dengan dan menjadi pelengkap kepada Peralatan dan bahan-bahan lain yang hanya dibekalkan oleh Syarikat.
- 8.5 Tidak menyebabkan dan membenarkan Peralatan dilekatkan, dipasang atau dikepilkan pada Premis sebagai lekapan.
- 8.6 Memberitahu Syarikat tentang sebarang perubahan nama atau alamat MPC.

- 8.7 Membayar gantirugi kepada Syarikat atas segala kehilangan atau kerosakan yang berlaku terhadap Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya sekiranya kehilangan dan kerosakan tersebut disebabkan oleh kecuaian, kesalahan atau tindakan sengaja MPC atau kakitangannya.
- 8.8 Tidak menjual, menyerahkan hak atau menyewa, menyandar atau menggadai janji Peralatan atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Syarikat.
- 8.9 Mengelak daripada menghapuskan plat nama Syarikat daripada peralatan.

9. OBLIGASI SYARIKAT

Dengan ini Syarikat berwaad dengan MPC bahawa semasa tempoh Perjanjian ini, Syarikat hendaklah:

- 9.1 Memberi jaminan bahawa Peralatan yang dibekalkan di bawah Perjanjian ini adalah produk keluaran semasa, baru, tulen dan belum pernah digunakan kecuali bagi maksud ujian mutu dan berada dalam keadaan baik dan bebas daripada sebarang kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk dengan syarat Peralatan tersebut tidak diubah suai oleh MPC tanpa memberikan sebarang notis kepada Syarikat;
- 9.2 Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kos dan perbelanjaan menyediakan perkhidmatan dan penyenggaraan di bawah Perjanjian ini;
- 9.3 Menghantar dan memasang Peralatan di Premis dengan syarat Peralatan yang dipasang dan dihantar hendaklah baru dan dalam keadaan yang sangat baik;
- 9.4 Membenarkan MPC yang telah dengan sewajarnya membayar Sewa dan melaksanakan serta mematuhi obligasinya yang terkandung dalam Perjanjian ini supaya memegang dan menggunakan secara aman dan tenteram Peralatan sepanjang

Tempoh Sewaan tanpa gangguan atau kekacauan oleh Syarikat atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau sebagai amanah bagi Syarikat;

- 9.5 Memastikan bahawa Peralatan berada dalam keadaan yang sangat baik dan untuk tujuan ini, Syarikat hendaklah menyediakan Khidmat Penyenggaraan setiap dua (2) bulan seperti memeriksa, servis dan membaiki tanpa mengenakan apa-apa caj kepada MPC yang hendaklah dibuat dalam Waktu Perniagaan Biasa atau mengikut aturan sepertimana yang dipersetujui bersama oleh Syarikat dan MPC;
- 9.6 Membekalkan alat-alat ganti yang tulen dan setaraf tanpa apa-apa kos kepada MPC dengan syarat Khidmat Penyenggaraan tersebut bukan disebabkan oleh kecuaiian atau tindakan sengaja MPC. Apa-apa perkhidmatan dijalankan oleh Syarikat hendaklah dilakukan dalam tempoh Waktu Perniagaan Biasa dan jika perlu pada bila-bila masa yang dipersetujui bersama oleh Syarikat dan MPC;
- 9.7 Memberi jaminan bahawa pelaksanaan khidmat penyenggaraan pembaikan dan pembekalan alat-alat ganti ke atas Peralatan akan berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kekurangan, kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran kerja;
- 9.8 Bertindak kepada aduan kerosakan oleh MPC di mana "Response Time" oleh Syarikat untuk memberi khidmat penyenggaraan, pembaikan dan penggantian alat-alat ganti dalam masa 3 hari waktu bekerja.
- 9.9 Menghantar juruteknik yang berkeelayakan dan berkemahiran untuk memeriksa, menyelaras dan menyenggara Peralatan;
- 9.10 Menggantikan Peralatan kepada MPC atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Peralatan yang berpunca daripada kelalaian, kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh Syarikat, pekerjaanya, agen-agensya atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihaknya;

- 9.11 Membenarkan MPC yang telah membayar sewa dan melaksanakan serta mematuhi persetujuan-persetujuan yang terkandung dalam Perjanjian ini supaya dapat memegang dan menikmati secara aman dan tenteram Peralatan sepanjang Tempoh Sewaan ini tanpa gangguan atau kekacauan daripada atau oleh Syarikat atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau sebagaimana amanah bagi Syarikat;
- 9.12 Tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemui atau yang dizahirkannya kepadanya bagi maksud pelaksanaan Perjanjian ini antara Pihak-Pihak. Klausula ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun selepas Perjanjian ini ditamatkan;
- 9.13 Tidak boleh memajakkan kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa perjanjian kecil bagi tujuan Perjanjian ini tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada MPC;
- 9.14 Tidak boleh memberi milik kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menerima milik, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini atau apa-apa faedah yang terbit atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini kepada mana-mana orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada MPC;
- 9.15 Memastikan apa-apa isu yang mungkin berbangkit antara Syarikat dengan mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan Peralatan dan Khidmat Penyenggaraan, termasuklah berkaitan dengan bayaran Sewa dan Bayaran Tambahan, dan apa-apa perkara lain, hendaklah ditangani dan diselesaikan oleh Syarikat dan tidak boleh dikaitkan dengan MPC dengan apa cara jua; dan
- 9.16 Menyedia dan menyenggarakan nota Khidmat Penyenggaraan bagi setiap pembaikan, penyenggaraan, penggantian alat ganti dan sebagainya, di mana setiap kali perkhidmatan tersebut dilaksanakan, buku nota tersebut hendaklah ditandatangani oleh

wakil Pihak-Pihak dan mengemukakannya kepada MPC apabila diminta dari semasa ke semasa.

10. PENALTI

10.1 Walau apa-apa pun peruntukan lain dalam Perjanjian ini, jika Syarikat gagal untuk menyediakan Khidmat Penyenggaraan dalam tempoh yang ditetapkan, MPC berhak untuk menolak membuat bayaran bagi bulan tersebut. Maka dengan ini, MPC boleh menuntut Syarikat untuk memansuhkan caj bulanan dan ianya perlu dinyatakan di dalam invoice bagi memastikan bayaran yang dikenakan untuk bulan berikutnya adalah wajar.

10.2 Jika MPC gagal mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini sebelum memenuhi syarat minimum tempoh sewaan 36 bulan sehingga menyebabkan pembatalan perkhidmatan dan penyewaan tanpa sebab yang munasabah, Syarikat berhak untuk menuntut bayaran penalti sebanyak 50% daripada baki tempoh sewaan dikira dari bulan pemulangan Peralatan.

11. PELAKSANAAN KONTRAK

MPC berhak menamatkan kontrak ini jika berlaku sebarang masalah seperti tahap operasi Peralatan dan Khidmat Penyenggaraan yang tidak memuaskan hati pihak MPC. Penilaian akan dibuat darisemasa ke semasa selepas satu (1) bulan kontrak berjalan bagi menentukan tahap pencapaian tercapai atau tidak. Kegagalan Syarikat memberikan perkhidmatan yang memuaskan membolehkan MPC menamatkan Perjanjian ini menurut Klausula 12.6 Perjanjian ini.

12. PENAMATAN**Penamatan oleh MPC**

12.1 MPC boleh dengan memberi notis bertulis selama tiga puluh (30) hari kepada Syarikat untuk menamatkan Perjanjian ini jika didapati:

- (a) Representasi dan waranti yang diberikan oleh Syarikat dalam Perjanjian ini didapati tidak benar;**
 - Syarikat gagal untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat dalam Perjanjian ini;**
 - Syarikat sebagai orang perseorangan (atau apabila Syarikat adalah suatu firma, mana-mana pekongsi firma itu) pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau sesuatu perintah penerimaan atau pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang, atau jika Syarikat adalah sebuah syarikat meluluskan suatu ketetapan atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digulung (bukansuatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang penerima atau pengurus bagipihak seorang pemiutang dilantik atau jika timbul keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulungan. Dengan syarat sentiasa bahawa penamatan Perjanjian di bawah Klausula 12.1 tidak akan menyentuh hak-hak lain MPC yang sedia terakur di bawah Perjanjian ini; dan**
- (b) Syarikat memberi kontrak kecil, memindah milik atau menyerahkan Perjanjian ini untuk dilaksanakan oleh pihak lain, tanpa persetujuan MPC; atau**
- (c) MPC mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Syarikat atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya sama ada dengan atau di luar pengetahuan Syarikat melakukan perbuatan rasuah atau aktiviti bercanggah dengan perbuatan yang akan terjumlah kepada suatu kesalahan**

menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 atau kesalahan dengan undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini dan/atau mana-mana Perjanjian lain antara Syarikat dengan pihak MPC, dengan syarat sentiasa bahawa penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak MPC untuk menuntut apa-apa kerugian, kos, kerosakan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh MPC akibat daripada penamatan itu.

(d) MPC boleh menamatkan Kontrak di bawah fasal ini di dalam keadaan-keadaan lain selain daripada tersebut di bawah perenggan-perenggan di atas.

12.2 Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, setelah memberi notis bertulis kepada Syarikat, MPC berhak menuntut ganti rugi daripada Syarikat untuk kerugian.

12.3 Penamatan Awal Dengan Notis

Walau apa-apa pun yang dinyatakan di bawah Perjanjian ini, MPC boleh dengan memberi notis satu (1) bulan secara bertulis menamatkan Perjanjian ini lebih awal daripada Tempoh Sewaan dengan syarat memastikan semua baki tunggakan dijelaskan dan setuju membayar penalti sebelum Syarikat menerima surat pembatalan tersebut seperti yang dinyatakan dalam Klausula 10.2

12.4 Kesan penamatan

Penamatan Perjanjian di bawah Klausula 12 ini tidak menjejaskan hak mana-mana Pihak untuk mengambil tindakan dan menuntut pampasan mengenai apa-apa pelanggaran terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini oleh Pihak yang satu lagi.

12.5 Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, setelah memberi notis bertulis kepada Syarikat dan dipersetujui bersama oleh Syarikat dan MPC, Syarikat berhak:

(a) Memasuki Premis untuk mengambil semula Peralatan atas kos dan perbelanjaan Syarikat sendiri; dan

(b) Menuntut apa-apa jua jumlah wang yang tertunggak di bawah Perjanjian ini.

13. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

13.1 Jika apa-apa pertikaian, perbezaan, perkara atau tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Perjanjian ini atau pelanggaran atau penamatannya, tidak dipersetujui oleh Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini, maka pertikaian, perbezaan, perkara atau tuntutan itu hendaklah diselesaikan secara aman oleh Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini.

14. TIMBANG TARA

- 14.1 Jika berlaku apa-apa hal pertikaian atau tuntutan yang timbul daripada atau berkenaan dengan Perjanjian ini atau pelanggaran atau penamatan berkenaan dengan Perjanjian ini yang tidak dapat diselesaikan secara baik atau aman oleh MPC dan Syarikat, hal, pertikaian atau tuntutan tersebut hendaklah, dirujuk kepada penimbangtaraan tiga orang, seorang dilantik oleh MPC dan seorang lagi oleh Syarikat. Kemudian, kedua-dua penimbang tara yang dilantik itu hendaklah memilih penimbang tara ketiga yang akan bertindak sebagai pengerusi penimbang tara tribunal timbang tara dan atur cara timbang tara itu adalah seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Timbang Tara 2005.
- 14.2 Setiap prosiding timbang tara hendaklah dijalankan di Pusat Arbitrasi Antarabangsa Asia dengan menggunakan kesemua kemudahan dan peraturan-peraturan yang diterima pakai di Pusat Arbitrasi Antarabangsa Asia.
- 14.3 Apa-apa rujukan mengenai apa-apa hal, pertikaian atau tuntutan kepada timbang tara menurut klausa ini dan/atau perlanjutan prosiding timbang tara akibat daripadanya hendaklah tidak akan sama sekali bertindak sebagai penepian obligasi pihak-pihak dalam menjalankan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini.

15. HAK MILIK PERALATAN

Hak milik ke atas Peralatan adalah terletak pada Syarikat dan akan kekal sepanjang tempoh berkuatkuasanya Perjanjian ini. Selepas tamat Tempoh Sewaan, Peralatan tersebut akan diambil semula oleh Syarikat tanpa sebarang caj kepada MPC.

16. ALAT GANTI DAN BEKALAN TAMBAHAN

Syarikat dengan ini mengaku janji bahawa akan membekalkan bahan-bahan tersebut secara percuma dan Khidmat Penyenggaraan pada

bila-bila masa yang dikehendaki oleh MPC.

17. LIABILITI

Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap segala kerugian, kecederaan atau kerosakan yang dialami oleh MPC akibat sebarang kecacatan atau kerosakan Peralatan kecuali jika kerugian, kecederaan atau kerosakan tersebut disebabkan oleh kelalaian, kecuai atau perbuatan sengaja oleh Syarikat, pekerjaannya, agen- agennya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya.

18. NOTIS

Apa-apa notis yang dikehendaki diberikan dalam perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar dengan pos berdaftar atau diserahkan secara sendiri ke alamat yang tertera di dalam lampiran C.

Pihak-Pihak hendaklah memberi notis bertulis kepada Pihak yang satu lagi, sekiranya berlaku penukaran alamat atau entiti ;

19. PENEPIAN HAK

Kegagalan mana-mana Pihak untuk melaksanakan apa-apa hak atau remedinya tidak boleh dianggap sebagai suatu penepian terhadap hak atau remedi tersebut melainkan jika penepian tersebut dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh MPC atau Syarikat atau seseorang yang diberi kuasa secara nyata oleh MPC atau Syarikat untuk tujuan tersebut.

20. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI

Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

21. FORCE MAJEURE

21.1 Syarikat dan MPC adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan *Force Majeure*. Dalam keadaan ini, yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat menyempurnakan Perjanjian ini, Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan Pihak-Pihak tanpa apa-apa pampasan. Kejadian *Force Majeure* hendaklah bermaksud:

- (a) peperangan (sama ada ia diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
- (b) wabak, pandemik, atau penyakit meluas atau sebarang peristiwa atau keadaan serupa lain;
- (c) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan penganas;
- (d) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran spontan bawah tanah, ombak besar atau apa-apa bencana alam yang secara munasabah nya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga;
- (e) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
- (f) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa-apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (g) rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
- (h) sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana Pihak.

21.2 Jika berlaku sesuatu kejadian *Force Majeure* yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah dengan serta merta memaklumkan akan kejadian *Force Majeure* tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan butir-butir terperinci mengenai kejadian *Force Majeure* dan kesannya kepada

pelaksanaan Perjanjian ini.

- 21.3 Mana-mana Pihak tidak boleh menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini jika Pihak-Pihak telah memutuskan secara munasabah bahawa satu kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.
- 21.4 Syarikat hendaklah membuktikan bahawa kejadian *Force Majeure* betul-betul berlaku sebelum Syarikat dapat melepaskan tanggungjawabnya mengikut Klausa 20.1.
- 21.5 Jika Perjanjian ini ditamatkan di bawah Klausa 20.1 di atas, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggung terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.
- 21.6 Bagi mengelakkan apa-apa keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

22. PINDAAN

Sebarang pindaan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis, dipersetujui dan disahkan oleh Pihak-Pihak dan pindaan tersebut hendaklah dibuat dalam bentuk perjanjian tambahan dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

23. KOS DAN DUTI SETEM

Apa-apa kos penyediaan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Pihak-Pihak manakala kos duti setem hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat.

24. IKLAN

Maklumat mengenai Perjanjian ini tidak boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau apa-apa alat pengiklanan lain tanpa kelulusan bertulis daripada MPC.

25. PENGALIHAN PERALATAN

Tertakluk kepada Klausula 8.3 Perjanjian ini, MPC boleh, pada bila-bila masa, meminta Syarikat untuk mengalihkan Peralatan ke tempat lain dengan syarat kos pengalihan atau pemindahan tersebut hendaklah dipersetujui bersama terlebih dahulu dan dibayar menurut prosedur dalam Klausula 5 Perjanjian ini, seterusnya hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah tempat tersebut telah diperihalkan dalam Perjanjian ini.

26. MASA

Masa hendaklah menjadi inti pati kepada Perjanjian ini.

27. IKATAN PERJANJIAN

Perjanjian ini dianggap mengikat mana-mana wakil, wasi, wakil diri, pentadbir, pemegang serah, pengganti atau penerima pindah milik bagi pihak-pihak yang memasuki Perjanjian ini.

28. SERAH HAK

Syarikat tidak boleh menyerahkan hak, memberi kontrak kecil Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat dengan atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini kepada pihak ketiga tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada MPC.

29. INSURANS PEKERJA

Syarikat hendaklah bertanggungjawab terhadap semua pekerjaanya yang melaksanakan Perjanjian ini dengan mengambil perlindungan insurans Sosial (PERKESO) sekiranya berkaitan. pampasan pekerja dan mendaftar pekerjaanya dengan Pertubuhan Keselamatan.

30. TAJUK-TAJUK DAN TAJUK-TAJUK KECIL

Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil kepada klausa-klausa dalam Perjanjian ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada Perjanjian atau untuk dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Perjanjian ini.


31. LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran-lampiran kepada Perjanjian ini hendaklah menjadi sebahagian daripada dan dibaca bersama dengan Perjanjian ini.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

BAGI MENYAKSIKAN HAL-HAL DI ATAS pihak-pihak di dalam Kontrak ini menurunkan tandatangan masing-masing pada haribulan dan tahun yang mula-mula tertulis di atas:-

DITANDATANGANI OLEH)
UNTUK DAN BAGI PIHAK)
MPC)


ZAHID ISMAIL
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

DI HADAPAN)


MOHD YAZID BIN ABDUL MAJID
Pengerah
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan (MSF)
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

DITANDATANGANI OLEH)
UNTUK DAN BAGI PIHAK)
SYARIKAT)


CHOO HUNWOO
M33321812
DIRECTOR



DI HADAPAN)


OOH MUI ZHEN
881101-13-5792
LEGAL DEPARTMENT

**LAMPIRAN A
SURAT SETUJU TERIMA**



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION
 Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
 46200 Petaling Jaya, Selangor
 MALAYSIA



Tel : 603 7055 7266
 Laman Web : www.mpc.gov.my
 E-mel : info@mpc.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
 CERT NO. 0382 00017

(Badan Berkanun di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri - MITI)

SURAT SETUJU TERIMA

MPC(TEC)102.5/10(106)

7 Disember 2023

COWAY (MALAYSIA) Sdn. Bhd.
 Level 20, Ilham Tower
 No. 8, Jalan Binjal
 50450 Kuala Lumpur
 (U.P.: Encik Khairil Anuar bin Mohamed)

Tuan,

PELANTIKAN PEMBEKAL BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENYELENGGARA DAN MENTAULIAH 7 UNIT MESIN PENAPIS AIR COWAY (CORE PLUS CHP-5721L) SECARA SEWAAN UNTUK TEMPOH SELAMA 36 BULAN KEPADA IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju melantik Coway (Malaysia) Sdn. Bhd. bagi melaksanakan Perkhidmatan membekal, menghantar, memasang, menguji, menyelenggara dan mentauliah 7 unit Mesin Penapis Air Coway (Core Plus Chp-5721L) secara sewaan untuk tempoh selama 36 bulan kepada Ibu Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dengan nilai kontrak sebanyak Tiga Puluh Lima Ribu dan Dua Puluh Lapan ringgit sahaja (RM35,028.00)

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara MPC dengan syarikat Tuan. Jadual di bawah adalah jadual pembayaran sebagai rujukan:

Jadual Pembayaran:

BIL	TAJUK PROGRAM	JUMLAH KESELURUHAN
1.	PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENYELENGGARA DAN MENTAULIAH 7 UNIT MESIN PENAPIS AIR COWAY (CORE PLUS CHP-5721L) SECARA SEWAAN UNTUK TEMPOH SELAMA 36 BULAN KEPADA IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)	RM 35,028.00

3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Pihak tuan

juga dikehendaki membekalkan perkhidmatan seperti yang telah dinyatakan di dalam spesifikasi teknikal sebut harga. Kod sumber bagi pembangunan sistem ini hendaklah dikongsi secara keseluruhannya dengan pihak MPC. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ Liquidated & Ascertained Damages (LAD).

4. Syarikat tuan juga adalah dilingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- a. Syarikat tuan gagal mematuhi terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- b. Syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Auan Pembida Berjaya;
- c. Syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Auan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- d. Syarikat tuan membenarkan Sijil Auan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- e. Syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- f. Syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- g. Syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di Lampiran A;
- h. Syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen sebut harga;
- i. Syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- j. Syarikat tuan digulungkan;
- k. Syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- l. Syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau Service Level Agreement;
- m. Syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa;atau

n. Terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat Tuan termasuk kerugian masa hadapan.

6. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di Lampiran B dan Lampiran C untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

7. Surat ini dihantar kepada syarikat Tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi 7 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan MPC tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat Tuan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAHID BIN ISMAIL)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN
YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah MPC(TEC)102.5/10(106) bertarikh dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung Surat ini telah dikenakan.

.....
Tandatangan Pembekal

Nama Penuh:
No. Kad Pengenalan:

Alamat:

CHOI KI RYONG
M34179587

Coway (Malaysia) Sdn Bhd
(736426-M) (A.R.981/198)

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:
No. Kad Pengenalan:

Alamat:

SCHOLASTICA SAMIH
850602-12-5822
LEGAL DEPARTMENT

Tarikh: **18 DEC 2023**

Tarikh: **18 DEC 2023**

Meterai atau Cop Perunding



Tarikh: **18 DEC 2023**

**potong mana yang tidak berkenaan*

Lampiran B

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

PELANTIKAN PEMBEKAL BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENYELENGGARA DAN MENTAULIAH 7 UNIT MESIN PENAPIS AIR COWAY (CORE PLUS CHP-5721L) SECARA SEWAAN UNTUK TEMPOH SELAMA 36 BULAN KEPADA IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

Saya, CHOI KI RYONG.....nombor K.P. M34179587..... yang mewakili COWAY (MALAYSIA) SDN BHD.....(nama syarikat)..... nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) 736420-H..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)..... atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam *sebut harga/tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam(nama kementerian/agensi).....atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *sebut harga/tender di atas;atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yangberhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. K.P.) Cop Syarikat :

CHOI KI RYONG
M34179587

Coway (Malaysia) Sdn Bhd

735420-H (M34179587)



Catatan:

- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

Lampiran C

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya CHOI KI RYONG nombor kad pengenalan
M34179587 yang mewakili syarikat COWAY (MALAYSIA) SDN BHD
 nombor pendaftaran 735420-H (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya
 dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (a) syarikat TIDAK membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat TIDAK membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat TIDAK terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah TIDAK disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- (e) syarikat TIDAK digulungkan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan diatas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut didalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1980.

Diperbuat dan dengan
 sebenar-benarnya diakui oleh

.....Wilayah Persekutuan.....
 di.....Kuala Lumpur.....
 pada19 DEC 2023.....




CHOI KI RYONG
 M34179587

Coway (Malaysia) Sdn Bhd
 (735420-H) (AJL931694)

- Catatan:
- i. *Potong mana yang tidak berkenaan.
 - ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

LAMPIRAN B
JADUAL HARGA DAN BAYARAN

Bil	ITEM	BUTIRAN
1	No. Rujukan Perjanjian	AGM1001726
2	No. Rujukan Sewaan	7131320, 7131337, 7131343, 7131357, 7131366, 7131374, 7131386
3	Jenis Peralatan & Kuantiti	7 unit Mesin Penapisan Air
4	Jenis Model	CHP-5721L (CORE PLUS)
5	Yuran Pendaftaran	Tiada
6	Nilai Sewa 1 unit	RM139.00
7	Nilai Keseluruhan Sewaan Bulanan	RM973.00
8	Nilai Keseluruhan Kontrak	RM35,028.00
9	Tempoh Kontrak	36 Bulan (3 Tahun)
10	Skim Pembayaran	Bulanan
11	Tarikh Kontrak Bermula	1 Januari 2024
12	Tarikh Kontrak Berakhir	31 Disember 2026
13	CIMB Dedicated Bank Acc	98 9920 0189 9953
14	Jadual Perkhidmatan	Setiap 2 bulan

coway

**LAMPIRAN C
ALAMAT LOKASI**

BAGI PIHAK MPC

Bil	ITEM	BUTIRAN
1	Nama Pelanggan	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
2	Nama Jabatan / Kementerian	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
3	Alamat Pemasangan	Pantri Aras 9, 10, 11, 12, 13, 14, dan 15, East Wing, Menara MATRADE, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur
4	Alamat Notis MPC	Aras 9, East Wing Menara MATRADE, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur
5	Pegawai Bertugas	Muhammad Muizzuddin
6	No. Telefon	013-7071391
7	No. Fax	-
8	Alamat E-mel	adm@mpc.gov.my

BAGI PIHAK SYARIKAT

Bil	ITEM	BUTIRAN
1	Nama Syarikat	Coway (Malaysia) Sdn. Bhd.
2	Alamat Notis Syarikat	Level 20, Ilham Tower, No. 8, Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur
3	Alamat E-mel Unit Kontrak	rental.agm@coway.com.my
4	Alamat emel lain (Pembayaran)	rccentral@coway.com.my
5	No. Faks	03 21811929
6	No. Hotline	1 800 888 111